

AKTA MAJLIS PENETAPAN GAJI 1947

PERINTAH MAJLIS PENETAPAN GAJI (PERINTAH PERATURAN GAJI) (SARAAN MINIMUM BERKANUN PENGAWAL KESELAMATAN SWASTA DI SEMENANJUNG MALAYSIA) 2011

BAHAWASANYA melalui *P.U. (B) 229/2008* yang disiarkan dalam *Warta* pada 8 Mei 2008, notis telah diberikan mengenai cadangan untuk membuat suatu perintah peraturan gaji di bawah subseksyen 12(3) Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 [*Akta 195*]:

DAN BAHAWASANYA representasi bertulis berkenaan dengan cadangan peraturan gaji itu telah diterima dan dipertimbangkan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 12(3) Akta, Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Majlis Penetapan Gaji (Perintah Peraturan Gaji) (Saraan Minimum Berkanun Pengawal Keselamatan Swasta Di Semenanjung Malaysia) 2011**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2011.

Saraan minimum berkanun

2. (1) Seorang pekerja sepenuh masa yang diambil bekerja sebagai pengawal keselamatan oleh suatu agensi persendirian yang dilesenkan di bawah seksyen 3 Akta Agensi Persendirian 1971 [*Akta 27*] bagi maksud menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan di dalam kawasan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual adalah berhak untuk mendapat saraan minimum berkanun yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual itu.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), agensi persendirian dan pekerja yang disebut dalam subperenggan itu boleh bersetuju dengan saraan yang lebih baik dalam kontrak perkhidmatan antara agensi persendirian dan pekerja itu.

Faedah lain

3. Sebagai tambahan kepada saraan minimum berkanun yang pekerja itu berhak untuk mendapat di bawah subperenggan 2(1), pekerja itu hendaklah dibayar apa-apa faedah lain yang diperuntukkan dalam kontrak perkhidmatan antara agensi persendirian dan pekerja itu sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Kerja 1955 [Akta 265], mengikut mana-mana yang berkenaan.

Penghitungan saraan minimum berkanun

4. Majikan hendaklah membayar saraan minimum berkanun menurut perhitungan yang diperuntukkan dalam seksyen 15 Akta Majlis Penetapan Gaji 1947.

JADUAL
(Subperenggan 2(1))

Kawasan (1)	Saraan Minimum Berkanun (2)	
	Gaji Pokok	Elaun Insentif Keselamatan
Kawasan A – Negeri Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, dan Johor Selatan (Johor Bahru, Kota Tinggi, Kulaijaya dan Pontian)	RM550 sebulan	RM150 sebulan
Kawasan B – Negeri Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pahang, Terengganu dan Johor Utara (Kluang, Batu Pahat, Mersing, Muar, Ledang dan Segamat)	RM500 sebulan	RM100 sebulan
Kawasan C – Negeri Kedah, Kelantan dan Perlis	RM450 sebulan	RM50 sebulan

Dibuat 11 Februari 2011
[KSM/PUU/T/01/20 Jld. 4; PN(PU²)167/V]

DATUK DR. SUBRAMANIAM A/L K.V. SATHASIVAM
Menteri Sumber Manusia

WAGES COUNCILS ACT 1947

WAGES COUNCILS (WAGES REGULATION ORDER)
(STATUTORY MINIMUM REMUNERATION OF PRIVATE SECURITY GUARD
IN PENINSULAR MALAYSIA) ORDER 2011

WHEREAS by *P.U. (B) 229/2008* published in the *Gazette* on 8 May 2008, notice was given of the intention to make a wages regulation order under subsection 12(3) of the Wages Councils Act 1947 [*Act 195*]:

AND WHEREAS written representations with respect to the wages regulation proposal have been received and considered:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred by subsection 12(3) of the Act, the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Wages Councils (Wages Regulation Order) (Statutory Minimum Remuneration of Private Security Guard In Peninsular Malaysia) Order 2011**.

(2) This Order comes into operation on 15 February 2011.

Statutory minimum remuneration

2. (1) A full time worker employed as a security guard by a private agency licensed under section 3 of the Private Agencies Act 1971 [*Act 27*] for the purpose of providing security services in the area specified in column (1) of the Schedule shall be entitled to the statutory minimum remuneration specified in column (2) of the Schedule.

(2) Notwithstanding subparagraph (1), the private agency and the worker referred to in that subparagraph may agree to a more favourable remuneration in the contract of service between such private agency and worker.

Other benefits

3. In addition to the statutory minimum remuneration under subparagraph 2(1) to which a worker is entitled, such worker shall be paid any other benefits as provided in the contract of service between the private agency and the worker as defined in the Employment Act 1955 [Act 265], as the case may be.

Computation of statutory minimum remuneration

4. The employer shall pay the Statutory Minimum Remuneration based on the computation provided in section 15 Wages Council Act 1947.

SCHEDULE (Subparagraph 2(1))

Area (1)	Statutory Minimum Remuneration (2)	
	Basic Wage	Security Incentive Allowance
Area A – the States of Penang, Selangor, the Federal Territory of Kuala Lumpur, Federal Territory of Putrajaya and Southern Johore (Johor Bahru, Kota Tinggi, Kulaijaya and Pontian)	RM550 per month	RM150 per month
Area B – the States of Malacca, Negeri Sembilan, Perak, Pahang, Terengganu and Northern Johore (Kluang, Batu Pahat, Mersing, Muar, Ledang and Segamat)	RM500 per month	RM100 per month
Area C – the States of Kedah, Kelantan and Perlis	RM450 per month	RM50 per month

Made 11 February 2011
[KSM/PUU/T/01/20 Jld. 4; PN(PU²)167/V]

DATUK DR. SUBRAMANIAM A/L K.V. SATHASIVAM
Minister of Human Resources